

UMS laksana Majlis Bersama HEPA

UB 22-03-2012 B7

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL
conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) buat julung kalinya melaksanakan Majlis Bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata program itu mampu memperkemas dan mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) kepada mahasiswa.

“Dengan itu, mahasiswa dapat menuntut ilmu dengan suasana yang kondusif dan selesa serta kebajikan mereka terjaga,” katanya pada majlis perasmian Majlis Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, di sini kelmarin.

Dalam pelaksanaan Good Governance, katanya, tata kelola yang baik dan terancang menekankan aspek menjaga kepentingan pelanggan (pengguna perkhidmatan) dan juga organisasi demi mencapai satu matlamat bersama.

“Inilah yang akan menjamin kualiti dan prestasi pekerja yang berada dalam organisasi untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik untuk pelanggan mereka.

“Pada akhirnya, kedua-dua pihak mendapat kepuasan yang membawa kepada pembaikan dan tata kelola



KAMARUZAMAN (dua kiri) menerima cenderahati daripada Kasim.

yang lebih efektif dan efisien,” katanya.

Menurutnya, majlis seumpamanya juga merupakan salah satu kaedah untuk menilai kembali prestasi kerja dan kualiti perkhidmatan yang telah diberikan kepada pelajar UMS.

Kamaruzaman berkata, proses munasabah itu dapat

memberikan kekuatan kepada sesebuah organisasi untuk meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan yang telah diberikan.

“Semoga pelaksanaan majlis ini dapat meningkatkan prestasi kerja warga UMS keseluruhannya demi membangun potensi dan sahsiah mahasiswa agar

mereka menjadi warganegara yang baik serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur berkata HEPA telah membina satu sistem e-Mesra yang membolehkan

mahasiswa mendapatkan kaunseling menerusi capaian internet.

“Mahasiswa kini boleh bergiat aktif dengan mengikuti pelbagai program Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) di samping mendapat MySDP bagi mahasiswa yang aktif di kampus,” katanya.